



 JDE Peet's

JDE PEET'S

# DASAR BERSUARA

BREAK UP POLICY CO  
S FRAUD REPORT  
RCES CONFLICT  
T INSIDER TH  
RIGHTS VIOL  
MINATION HA  
LAUND  
AND COPPI

# KANDUNGAN

## 1. PENGENALAN

3

Tujuan	3
Siapa boleh bersuara?	3
Mengapa Saya Perlu Menyuarakan Kebimbangan?	3
Apakah Dasar Syarikat Tentang Tindakan Balas?	3

## 2. DASAR

4 – 9

Kebimbangan manakah yang anda perlu bersuara?	4
Apakah Yang Syarikat Harapkan Daripada Saya?	5
Bagaimanakah Caranya Untuk Saya Menyuarakan Kebimbangan SAya, Siapa Yang Saya Boleh Hubungi?	6
Apakah jenis maklumat yang saya perlu berikan apabila saya bersuara?	7
Bagaimana Jika Saya Laporkan Sesuatu Kepada Pengurus Saya Dan Saya Diminta Untuk "Berdiam Diri" Tentangnya?	7
Apakah Yang Perlu Saya Lakukan Jika Pekerja Atau Pihak Berkepentingan Lain Melaporkan kemungkinan salah laku kepada saya?	7
Adakah Identiti Saya Akan Dirahsiakan?	8
Bagaimanakah Kebimbangan Saya Akan dikendalikan?	8
Bagaimana Jika Saya Tidak Pasti Saya Mahu Menyuarakan Kebimbangan Tentang Pematuhan?	9
Bagaimanakah Saya Akan Dilindungi?	9
Bagaimana Jika Sasya Percaya Bahawa Saya Mungkin Telah Terlibat Dalam Kelakuan Yang Melanggar Undang-undang Atau Dasar Syarikat?	9
Membuat laporan	9
Bagaimanakah Caranya Untuk Saya Mengetahui Lebih Lanjut?	9

## 3. HUBUNGI / LAPORKAN

10

Bagaimanakah Caranya Untuk Menghubungi talian Bersuara JDE Peet's?	10
Anda Boleh Menghubungi Kami Pada Bila-bila Masa	10

## 4. PRINSIP DAN PENDEKATAN PENYIASATAN JDE PEET'S

11 – 12

Kategori	Dasar
Klasifikasi:	Awam
Tanggungjawab Global:	Pegawai Pematuhan Global
Kebertanggungjawaban Global:	Penasihat Undang-undang
Tanggungjawab Tempatan:	Pegawai Pematuhan Tempatan
Kebertanggungjawaban Tempatan:	Pengurus Besar
Versi:	4.0
Tarikh berkuatkuasa:	23 Oktober 2023

# 1. PENGENALAN

Kita hanya boleh berkembang dan meningkat sebagai sebuah organisasi jika kita bersikat terbuka dan jujur antara satu sama lain. Oleh tu, JDE Peet's menggalakkan budaya bersuara untuk melaporkan sebarang salah laku sebenar atau disyaki, sama ada pelanggaran Kod, dasar dan nilai kami atau undang-undang yang terpakai kepada kami. Kami menggalakkan dialog terbuka dengan pekerja, pelanggan, rakan perniagaan, pembekal, pelabur dan pihak berkepentingan kami yang lain dan tidak bertolak ansur terhadap sebarang bentuk tindakan balas kepada mereka yang menyuarakan kebimbangan dengan jujur dan tepat.

## TUJUAN

Tujuan dasar ini adalah untuk menjelaskan cara anda boleh menyuarakan kebimbangan tentang salah laku yang disyaki dan untuk memaklumkan anda tentang cara JDE Peet's bekerja apabila anda bersuara.

## SIAPA BOLEH BERSUARA?

Dasar Bersuara JDE Peet's ini tersedia kepada sesiapa sahaja yang ingin menyuarakan kebimbangan tentang kemungkinan salah laku dalam JDE Peet's atau syarikat subsidiarinya ("Syarikat"), tanpa mengira tempat mereka berada. Ini termasuk, contohnya, pekerja, orang yang bekerja untuk atau bagi pihak JDE Peet's, pekerja di seluruh rangkaian pembekalan, rakan perniagaan dan pihak berkepentingan lain seperti (wakil) komuniti yang terjejas atau pengguna.

## MENGAPA SAYA PERLU MENYUARAKAN KEBIMBANGAN?

Sebagai Syarikat kami mahu mengamalkan prinsip kami yang selaras dengan komitmen kami untuk bertindak dengan integriti. Untuk melakukannya kami juga memerlukan bantuan anda, dengan bersuara jika anda mendapat tahu tentang kemungkinan salah laku. Berdiam diri tentang kemungkinan salah laku boleh menjadikan situasi ini lebih parah dan menjejaskan kepercayaan. Dengan menyuarakan kebimbangan anda, anda memberi peluang kepada Syarikat untuk menangani isu yang mungkin timbul dan memupuk budaya ketelusan dan integriti. Dengan cara ini kami juga membantu melindungi Syarikat kami dan pihak berkepentingannya.

## APAKAH DASAR SYARIKAT TENTANG TINDAKAN BALAS?

Apabila anda bersuara dan menyuarakan kebimbangan dengan jujur dan tepat, anda melakukan perkara yang betul dan Syarikat tidak akan bertolak ansur dengan sebarang tindakan balas terhadap anda. Jika anda tahu atau sejujurnya mengesyaki bahawa tindakan balas telah berlaku, terhadap anda, pekerja lain, atau mana-mana pelapor lain, anda perlu melaporkannya kepada pengurus anda atau menghubungi saluran bersuara secepat mungkin.

Syarikat tidak bertolak ansur terhadap sebarang bentuk ancaman (percubaan untuk) tindakan balas atau tindakan lain terhadap mana-mana individu atau entiti lain yang telah membuat atau membantu untuk membuat laporan kemungkinan salah laku. Jika Syarikat mendapat tahu tentang sebarang ancaman seumpama itu, (percubaan untuk) tindakan balas atau tindakanlain, ia akan mengambil langkah sewajarnya yang mungkin termasuk penamatan pekerjaan.

**DISIPLIN**

**KESEDERHANAAN**

**KEBERTANGGUNGJAWAPAN**

**SOLIDARITI**

**KEUSAHAWANAN**

## 2. DASAR

### KEBIMBANGAN MANAKAH YANG ANDA PERLU BERSUARA?

Dasar Bersuara JDE Peet's boleh digunakan untuk menyuarakan kebimbangan tentang salah laku yang disyaki dalam Syarikat atau di seluruh rantai pembekalannya. Salah laku yang disyaki seperti itu mungkin termasuk pelanggaran undang-undang (antarabangsa) yang berkenaan, pelanggaran Tata Kelakuan JDE Peet's, dasarnya, standard dan/atau prosedur yang menjadi landasan operasinya<sup>1</sup>.

Antara contoh salah laku yang boleh dilaporkan termasuk:

- ✓ Penipuan
- ✓ Pelaporan dan penyimpanan rekod kewangan atau bukan kewangan yang tidak lengkap
- ✓ Penggunaan sumber syarikat secara tidak betul
- ✓ Penggelapan wang, pencurian
- ✓ Perdagangan orang dalam
- ✓ Konflik kepentingan
- ✓ Pelanggaran hak asasi manusia, seperti tetapi tidak terhad kepada bekerja lebih masa, buruh kanak-kanak atau mana-mana individu yang bekerja kerana dieksploitasi atau paksaan
- ✓ Diskriminasi atau gangguan (seksual)
- ✓ Pelanggaran undang-undang antitrust atau persaingan
- ✓ Penggubahan wang haram
- ✓ Pelanggaran sekatan, undang-undang kawalan eksport dan perdagangan
- ✓ Rasuah dan sogokan
- ✓ Hal-hal berkaitan keselamatan, kesihatan dan alam sekitar
- ✓ Membuli
- ✓ Pelanggaran undang-undang privasi dan perlindungan data
- ✓ Pendedahan maklumat sulit atau rahsia dagangan
- ✓ Tindakan balas terhadap orang yang membuat laporan dengan niat baik
- ✓ Pelanggaran mana-mana dasar kami (yang lain)

Jangan gunakan dasar bersuara ini untuk hal-hal berikut:

- ✗ Sebagai talian kecemasan bagi situasi yang menimbulkan ancaman kepada kehidupan dan anggota badan, aset atau harta benda. Jika anda memerlukan bantuan kecemasan, hubungi nombor telefon kecemasan dan/atau pihak berkuasa tempatan.
- ✗ Bagi sebarang soalan yang anda ada berhubung dengan terma pengambilan pekerja anda (contohnya, manfaat atau kenaikan pangkat)
- ✗ Untuk menyelesaikan hal peribadi atau pertikaian undang-undang
- ✗ Untuk membuat tuduhan yang tidak benar atau yang tidak dibuat dengan niat yang baik. Kebimbangan atau pertuduhan yang ditimbulkan dengan niat jahat atau dengan niat yang tidak baik (cth. tahu bahawa ia tidak benar) akan diambil tindakan keras dan pelapor yang melakukannya, boleh dikenakan tindakan tatatertib, yang mungkin termasuk penamatan pekerjaan

<sup>1</sup> Dasar ini bertujuan, antaranya, untuk memenuhi tanggungjawab Syarikat di bawah undang-undang Kesatuan Eropah (EU) yang berkenaan. Setakat yang undang-undang atau peraturan berkenaan berhubung dengan penjagaan maklumat yang diterima oleh Syarikat yang berkaitan dengan laporan bersuara atau penyiasatan (jika dimulakan), tidak konsisten dengan Dasar ini, Syarikat akan mematuhi undang-undang atau peraturan yang berkenaan tersebut.



## APAKAH YANG SYARIKAT HARAPKAN DARIPADA SAYA?

Selain daripada mengetahui tanggungjawab pematuhan dan integriti yang terpakai kepada kerja anda, kami harap anda segera bersuara jika anda percaya bahawa seseorang yang bertindak untuk atau bagi pihak Syarikat (termasuk diri anda sendiri) telah lakukan, sedang lakukan, atau mungkin hampir akan lakukan sesuatu yang boleh dianggap sebagai salah laku.

Perkara asas yang diharapkan ini terpakai kepada semua orang yang bekerja untuk Syarikat atau bagi pihak Syarikat, di mana sahaja di dunia dan seluruh rantaian pembekalannya. Tidak kira di mana anda bekerja dan apa pekerjaan anda atau gred gaji anda, jika anda mendapat tahu tentang kemungkinan salah laku, Syarikat berharap anda akan bersuara.

## BAGAIMANAKAH CARANYA UNTUK SAYA MENYUARAKAN KEBIMBANGAN SAYA, SIAPA YANG SAYA BOLEH HUBUNGI?

Anda boleh bersuara melalui saluran yang berbeza.

Jika anda pekerja, anda boleh melaporkan salah laku yang disyaki:

- kepada Pengurus anda;
- sekiranya salah laku yang disyaki berkaitan dengan Pengurus anda atau anda rasa tidak selesa untuk melaporkannya kepada Pengurus anda, hubungi pegawai pematuhan tempatan anda atau orang hubungan HR anda;
- kepada pasukan pematuhan pusat di Amsterdam, Belanda dengan menghantar e-mel (kepada [ethics.compliance@JDEcoffee.com](mailto:ethics.compliance@JDEcoffee.com)) atau surat (kepada Pegawai Pematuhan Global JDE Peet's, Oosterdoksstraat 80, 1011 DK Amsterdam, the Netherlands);
- kepada talian bersuara Syarikat <http://speakup.jdepeets.com> melalui telefon atau laman web.

Jika anda bukan pekerja JDE Peet's, anda boleh melaporkan salah laku yang disyaki:

- kepada orang hubungan JDE Peet's anda yang paling kanan;
- kepada pasukan Pematuhan pusat JDE Peet's di Amsterdam, Belanda dengan menghantar e-mel (kepada [ethics.compliance@jdecoffee.com](mailto:ethics.compliance@jdecoffee.com)) atau surat (kepada JDE Peet's, Pegawai Pematuhan Global, Oosterdoksstraat 80, 1011 DK Amsterdam, the Netherlands); atau
- kepada talian bersuara Syarikat <http://speakup.jdepeets.com> melalui telefon atau laman web.

Talian bersuara kami diuruskan oleh syarikat luar, bebas daripada JDE Peet's. Talian ini tersedia apabila anda mungkin rasa tidak selesa untuk bercakap dengan seseorang secara peribadi atau jika anda memilih untuk tidak mendedahkan nama.

Anda digalakkan untuk menyuarakan sebarang kebimbangan yang anda mungkin ada melalui saluran yang dinyatakan di atas. Dengan berbuat demikian anda memberi peluang kepada Syarikat untuk menangani sebarang isu. Namun, selain pelaporan dalaman, undang-undang sesetengah negara juga mungkin membenarkan anda melaporkan salah laku tertentu yang disyaki terus kepada pihak berkuasa yang kompeten, dan tidak ada apa dalam dasar ini yang bertujuan untuk menghalang anda daripada berbuat demikian selaras dengan undang-undang dan peraturan tempatan yang berkenaan. Sila rujuk dengan pasukan Pematuhan pusat di Amsterdam atau laman web pihak berkuasa kompeten yang berkaitan untuk maklumat lanjut tentang cara untuk melaporkan salah laku yang disyaki terus kepada pihak berkuasa kompeten.

## APAKAH JENIS MAKLUMAT YANG SAYA PERLU BERIKAN APABILA SAYA BERSUARA?

Apabila memfailkan laporan, sila berikan maklumat sebanyak mungkin. Ini membantu Syarikat menilai dan, jika perlu, memulakan penyiasatan. Anda digalakkan untuk bersuara secepat mungkin dan berkongsi fakta yang anda ada. Amat membantu jika anda berikan:

- keterangan terperinci tentang kebimbangan anda dan maklumat latar seperti
- tarikh, nama dan tempat
- sebarang dokumen sokongan


Syarikat tidak mengharapkan anda ada semua jawapan, untuk menyiasat hal ini sendiri atau anda membuktikan bahawa kebimbangan anda ada asasnya. Biar Syarikat meneliti laporan untuk menentukan sama ada kebimbangan ini berasas dan apa yang perlu dilakukan.

## BAGAIMANA JIKA SAYA LAPORKAN SESUATU KEPADA PENGURUS SAYA DAN SAYA DIMINTA UNTUK "BERDIAM DIRI" TENTANGNYA?

Jika anda rasa anda tidak digalakkan untuk melaporkan salah laku yang disyaki, anda perlu melaporkan salah laku yang disyaki ini dan hakikat bahawa anda telah diminta untuk "berdiam diri."

## APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN JIKA PEKERJA ATAU PIHAK BERKEPENTINGAN LAIN MELAPORKAN KEMUNGKINAN SALAH LAKU KEPADA SAYA?

Jika pekerja atau pihak berkepentingan lain daripada JDE Peet's menyuarakkan kebimbangan tentang salah laku yang disyaki, anda perlu segera melaporkannya melalui talian bersuara Syarikat.



## ADAKAH IDENTITI SAYA AKAN DIRAHSIAKAN?

Jika pelapor tidak mahu namanya didedahkan, talian bersuara dan saluran bersuara lain akan membenarkannya, jika dibenarkan di negara tertentu. Sehubungan dengan talian bersuara, pelapor akan diberikan kod unik oleh sistem untuk tujuan tindakan susulan; dengan kod ini pelapor boleh mengesahkan tindakan susulan oleh Syarikat.

Syarikat akan mengendalikan semua laporan dengan penuh hormat dan menggunakan budi bicara. Sebarang maklumat tentang kebimbangan yang dilaporkan, termasuk identiti pelapor dan mana-mana pihak lain yang dinyatakan dalam laporan, akan dirahsiakan. Sudah tentu, individu tertentu perlu tahu tentang laporan ini dan maklumat khusus tuduhan untuk penyiasatan yang berkesan tindakan susulan. Namun, selain individu yang perlu tahu tentang laporan dan maklumat khusus tuduhan untuk penyiasatan dan tindakan susulan, identiti anda dan mana-mana maklumat mungkin menggambarkan identiti anda secara langsung atau tidak langsung, jika diketahui, tidak akan didedahkan oleh Syarikat,

melainkan anda telah bersetuju secara jelas untuk berkongsi maklumat tersebut. Harap maklum bahawa mungkin ada masanya Syarikat mempunyai tanggungjawab undang-undang untuk memaklumkan pihak ketiga tentang isu yang dilaporkan (pematuhan) dan mungkin ada situasi yang memerlukan identiti anda dikongsi berdasarkan undang-undang yang berkenaan. Jika ini situasinya anda akan dimaklumkan sebelum maklumat ini dikongsi, melainkan perkongsian maklumat ini menjejaskan penyiasatan atau prosiding undang-undang yang berkaitan.



## BAGAIMANAKAH KEBIMBANGAN SAYA AKAN DIKENDALIKAN?

Syarikat memandang serius semua laporan. Selepas laporan dikemukakan, anda akan mendapat pengesahan penerimaan. Selepas itu, Pegawai Pematuhan Global Syarikat atau seseorang yang ditugaskan oleh Pegawai Pematuhan Global, akan melakukan semakan pertama dan, jika perlu, penyiasatan akan dilancarkan untuk laporan disiasat sewajarnya. Siasatan dijalankan mengikut Prinsip dan Pendekatan Penyiasatan Syarikat tanpa menyalahi undang-undang yang berkenaan. Ini menjamin bahawa penyiasatan dijalankan secara adil dan bertanggungjawab terhadap

semua pihak yang terlibat termasuk bahawa semua penyiasatan mesti dijalankan:

- Secara adil, tidak berat sebelah
- Tepat pada masanya
- Berfokus kepada pencarian fakta

Selepas menerima perakuan penerimaan, pelapor akan menerima pengemaskinian am tentang status penyiasatan. Pada masa hadapan, pelapor akan menerima maklumat am tentang kemajuan penyiasatan, dan penutupan penyiasatan dan hasilnya (termasuk langkah dan tindakan yang diambil), melainkan pemberian maklum balas akan menjejaskan penyiasatan. Syarikat menyasarkan untuk menamatkan penyiasatan dalam tempoh 98 hari, yang mungkin dilanjutkan jika ada keperluan yang munasabah berdasarkan sifat dan kerumitan penyiasatan.

Semua langkah berhati-hati akan diambil untuk memastikan data peribadi dilindungi daripada akses dan pemproses tanpa kebenaran.



## BAGAIMANA JIKA SAYA TIDAK PASTI SAYA MAHU MENYUARAKAN KEBIMBANGAN TENTANG PEMATUHAN?

Kami sedar bahawa mungkin sukar untuk menyuarakan kebimbangan. Secara umumnya, tidak ramai orang melakukannya atas beberapa sebab.

Pertama, mereka takut menghadapi tindakan balas. Perlu diketahui bahawa Syarikat tidak akan bertolak ansur dengan tindakan balas terhadap mereka yang menyuarakan kebimbangan dengan niat yang baik.

Satu lagi sebab orang tidak menyuarakan kebimbangan ialah mereka bimbang tidak ada apa yang akan dilakukan. Kami boleh meyakinkan anda bahawa pada bila-bila masa pelapor menyuarakan kebimbangan tentang salah laku yang disyaki, kami akan mengambil tindakan sewajarnya dan akan memberi jawapan. Jika kami menentukan bahawa salah laku telah berlaku, Syarikat akan mengambil tindakan pembetulan sewajarnya.

## BAGAIMANAKAH SAYA AKAN DILINDUNGI?

Mana-mana pekerja yang melaporkan salah laku yang disyaki, yang pekerja tersebut percaya, atau dengan niat yang baik ada asas untuk percaya, bahawa ia sememangnya berlaku, akan diberikan perlindungan untuk pelaporan seumpamanya. Perlindungan ini bermakna bahawa Syarikat tidak akan memberhentikan, menurunkan pangkat, menggantung, mengancam, mengganggu atau dalam apa jua cara mendiskriminasikan terhadap pekerja tersebut yang dengan niat yang baik telah membuat, atau membantu dalam proses membuat, laporan. Syarikat tidak bertolak ansur terhadap sebarang bentuk (percubaan) ancaman, tindakan balas atau tindakan lain. Sebarang ancaman (percubaan), tindakan balas atau tindakan lain seperti itu mesti segera dilaporkan.

Selain itu, Syarikat tidak bertolak ansur terhadap sebarang bentuk ancaman (percubaan), tindakan balas atau tindakan lain terhadap orang atau entiti lain yang telah membuat atau membantu untuk membuat, laporan dengan niat yang baik. Jika Syarikat mendapat tahu tentang sebarang ancaman seumpama itu (percubaan), tindakan balas atau tindakan lain, ia akan mengambil langkah sewajarnya.

## BAGAIMANA JIKA SAYA PERCAYA BAHAWA SAYA MUNGKIN TELAH TERLIBAT DALAM KELAKUAN YANG MELANGGAR UNDANG-UNDANG ATAU DASAR SYARIKAT?

Sebagai pekerja Syarikat, anda dikehendaki untuk mengetahui dan mematuhi semua undang-undang, peraturan dan dasar Syarikat yang berkenaan. Sekiranya anda rasa anda mungkin telah melanggar undang-undang atau dasar, lebih baik anda melaporkannya sendiri daripada menjadi sasaran pertuduhan orang lain. Walaupun membuat laporan sendiri tidak melindungi pekerja daripada tindakan tatatertib atau tindakan pembetulan lain, ia adalah faktor penting yang akan dipertimbangkan oleh Syarikat dalam menentukan tindakan apa yang akan diambil.

## MEMBUAT LAPORAN

Majlis Pematuhan Tempatan, yang dipengerusikan oleh Penasihat Pematuhan Tempatan, akan selalu memberikan gambaran keseluruhan laporan yang diterima dan hasilnya kepada Pegawai Pematuhan Global.

Pegawai Pematuhan Global akan selalu memberikan gambaran keseluruhan laporan tempatan dan global yang diterima kepada Majlis Pematuhan Global dan Jawatankuasa Audit Lembaga.

## BAGAIMANAKAH CARANYA UNTUK SAYA MENGETAHUI LEBIH LANJUT?

Anda juga boleh melayari Tapak Intranet untuk mengetahui lebih lanjut tentang kerangka kerja Tadbir Urus dan Pematuhan serta Dasar kami atau hantar e-mel kepada Pematuhan Pusat ([Ethics.Compliance@JDEcoffee.com](mailto:Ethics.Compliance@JDEcoffee.com)). Anda juga boleh mencari dasar yang berkaitan di laman web JDE Peet's.

# 3. HUBUNGI / LAPORKAN

## BAGAIMANAKAH CARANYA UNTUK MENGHUBUNGI TALIAN BERSUARA JDE PEET'S?

Talian Bersuara Syarikat tersedia untuk semua orang dalam dan di luar Syarikat 24/7 dalam talian atau melalui telefon dan membolehkan Syarikat dimaklumkan tentang salah laku yang disyaki dalam banyak bahasa yang berbeza, dalam persekitaran pelaporan selamat dan sulit dengan kawalan akses yang ketat.

Jika dibenarkan di bawah undang-undang yang berkenaan dan jika anda rasa lebih selesa berbuat demikian, anda boleh menghubungi talian Bersuara tanpa mendedahkan nama. Maklumat anda akan dikongsi hanya dengan mereka yang ada keperluan untuk mengetahuinya, seperti mereka yang terlibat dalam menjawab soalan anda atau menyiasat dan membuat susulan tentang kebimbangan yang anda suarakan.

Anda boleh menghubungi talian Bersuara melalui nombor berikut.

## ANDA BOLEH MENGHUBUNGI KAMI PADA BILA-BILA MASA

☎ 001 (800) 461-9330

Jika anda mendail ke luar negara, layari alat pelaporan <http://speakup.jdepeets.com> dan pilih lokasi anda daripada senarai untuk nombor antarabangsa yang ditetapkan untuk negara anda.

Jika negara anda tidak ada dalam senarai, gunakan nombor berikut +1-720-514-4400 untuk panggilan pindah bayaran/caj pindah bayaran. Bantuan operator mungkin diperlukan dan caj tempatan mungkin dikenakan.

☎ +1-720-514-4400

Pautan ke Talian Bersuara:

E-mel:

Laman web syarikat:

## 4. PRINSIP DAN PENDEKATAN PENYIASATAN JDE PEET'S

- Orang yang melaporkan salah laku yang disyaki menerima perakuan penerimaan laporan dalam tempoh 7 hari.
- Pegawai Pematuhan Global atau orang lain yang ditugaskan oleh Pegawai Pematuhan Global, akan menyemak laporan dan, jika perlu, akan memulakan penyiasatan dan melantik pasukan penyiasat. Ini boleh jadi pasukan tempatan, tetapi juga pasukan global atau pihak luar yang mungkin diminta oleh Syarikat untuk menjalankan penyiasatan.
- Orang yang melaporkan salah laku yang disyaki akan menerima pengemaskinian am tentang status penyiasatan dalam kerangka masa yang munasabah, dengan makluman bahawa Syarikat menyasar untuk menamatkan penyiasatan dalam tempoh 98 hari selepas laporan diterima, yang boleh dilanjutkan selama tempoh sewajarnya yang munasabah disebabkan oleh sifat atau kerumitan penyiasatan serta faktor lain yang berkaitan.
- Semua data peribadi yang diperoleh semasa penyiasatan akan tertakluk kepada peraturan perlindungan data yang berkenaan.
- Penyiasatan akan dijalankan dengan cara yang adil, tidak berat sebelah, jujur, saksama, tepat pada masanya dan tidak melanggar undang-undang yang berkenaan.
- Penyiasatan akan tertumpu kepada analisis kes yang objektif dan berfakta, dengan tujuan untuk menentukan, melalui pencarian fakta, sama ada salah laku yang dilaporkan itu memang berlaku. Jika perlu, pakar luar mungkin diambil oleh pasukan penyiasatan untuk membantu dalam penyiasatan. Pasukan penyiasatan akan menggunakan kaedah penyiasatan tersebut sebagai sesuai, berkadar dan relevan, dengan penyiasatan dengan mengambil kira keterukan, kesukaran dan fakta yang ada tentang pelanggaran yang disyaki, selaras dengan undang-undang yang berkenaan.
- Maklumat ini akan diberikan kepada pihak yang ditemu bual dengan cara yang menjaga sebaik mungkin kerahsiaan identiti pelapor, serta mana-mana pihak ketiga lain yang disebut dalam laporan selaras dengan terma Dasar Bersuara ini.



- Pasukan penyiasatan akan memastikan pematuhan dengan prinsip "perbicaraan adil", dengan ini memberikan orang atau entiti yang dituduh peluang secukupnya untuk memberikan pandangan mereka yang berkaitan dengan pertuduhan.
- Penyiasatan dan semua maklumat yang berkaitan dengan penyiasatan akan dijaga kerahsiaannya dan dihadkan kepada mereka yang ada keperluan untuk mengetahuinya berhubung dengan maklumat tersebut; selaras dengan terma Dasar Bersuara ini.
- Pasukan penyiasatan akan menyediakan laporan terakhir termasuk fakta, bukti dan cadangan tindakan.
- Pasukan penyiasatan akan memaklumkan orang atau entiti yang dituduh tentang hasil penyiasatan sebaik sahaja penyiasatan selesai.
- Pasukan penyiasatan akan memaklumkan pelapor tentang penutupan dan kesimpulan daripada penyiasatan, setakat yang dilihat wajar oleh pasukan penyiasatan. Memandangkan tindakan pemulihan mungkin melibatkan orang atau entiti lain, atas sebab kerahsiaan, privasi dan hak undang-undang semua orang yang berkenaan, yang mungkin terpakai, pasukan penyiasatan hanya boleh menyatakan bahawa tindakan sewajarnya telah diambil.
- Semua data peribadi dalam kes yang telah didapati tidak berasas akan segera dimusnahkan mengikut undang-undang yang berkenaan.



# JDE Peet's

A COFFEE & TEA FOR EVERY CUP

